

PROSES PEMBANGUNAN INSTITUSI PONDOK DI KELANTAN

NUR SYAFAWANI BINTI YUSOFF

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2017

## **DEDIKASI**

### **Khas Buat Penyelia,**

Dr. Salfarina Binti Samsudin

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan atas segala tunjuk ajar, dorongan dan bantuan yang diberikan selama ini.

### **Istimewa Buat Keluarga Tersayang,**

Ummi, Azma Binti Ab. Hamid serta Abah, Yusoff Bin Haron.

Atas semangat, restu, dorongan dan kewangan yang diberikan.

&

Adik-adik yang disayangi

Terima Kasih atas sokongan dan kasih sayang semua.

### **Rakan Seperjuangan**

Warga MSc Lads 2015/2016

Sahabat-sahat yang dikasihi

Dan kawan-kawan yang mengenali diri ini

Terima kasih atas segala kebaikan dan bantuan yang diberikan.

-SEKIAN-

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum

Pertama sekali segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana telah melimpahkan nikmat serta kelapangan masa sehingga Projek Sarjana ini dapat disiapkan dengan sempurna dan tepat pada masanya.

Di kesempatan ini, jutaan penghargaan ingin diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung memberikan tunjuk ajar, dorongan dan semangat dalam proses menyiapkan Projek Sarjana ini. Selain itu, setinggi penghargaan diucapkan kepada Dr. Salfarina Binti Samsudin selaku penyelia yang telah memberi banyak panduan, bimbingan dan semangat sepanjang projek ini dijalankan. Sekalung penghargaan buat ummi, abah, adik-adik, keluarga, kawan-kawan serta rakan seperjuangan juga tidak dilupakan kerana dorongan, dan galakan yang telah diberikan.

Disamping itu, terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat yang memberi kerjasama dalam mengumpul maklumat bagi menjayakan Projek Sarjana ini. Seterusnya, sekalung penghargaan untuk semua pensyarah di Jabatan Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini.

Sekian.

## ABSTRAK

Pembangunan institusi pondok adalah salah satu pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Hal ini kerana, dengan adanya institusi pondok akan memudahkan masyarakat untuk mempelajari ilmu agama dengan lebih teratur berdasarkan sistem pembelajaran yang telah disusun di institusi pondok. Pembangunan institusi pondok pada asasnya perlu mengikut peraturan-peraturan pembinaan yang telah ditetapkan oleh pelbagai pihak bagi menjamin aspek keselamatan penghuninya. Pemohon perlu melalui beberapa prosedur dari peringkat sebelum pembinaan, semasa pembinaan dan selepas pembinaan. Proses pembangunan institusi pondok kebiasaannya bermula daripada penyerahan tanah dari pemilik tanah untuk diwakafkan dan seterusnya tanah yang diwakafkan tersebut dibangunkan menjadi sebuah institusi pondok. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji pembangunan institusi pondok dari aspek perundangan yang ditetapkan dalam proses pembinaan bangunan. Objektif yang perlu dicapai ialah mengenalpasti undang-undang dan peraturan yang terlibat dalam proses pembangunan institusi pondok, mengkaji proses dan prosedur pembangunan institusi pondok dan mengkaji pematuhan terhadap prosedur pembinaan institusi pondok yang ditetapkan. Kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu temubual dijalankan ke atas pihak-pihak yang berkaitan dengan pembangunan institusi pondok iaitu Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB), pihak pengurusan pondok dan pihak berkuasa tempatan turut ditemubual. Seterusnya, penemuan kajian ini ialah dapat mengetahui proses dan prosedur pembangunan institusi pondok yang sepatutnya dibuat dan juga proses pembangunan institusi pondok yang diamalkan pada masa kini di Kelantan beserta dengan undang-undang terlibat. Pematuhan terhadap proses pembangunan institusi pondok juga dapat dilihat iaitu pematuhan yang sepatutnya ditetapkan oleh PBT dan juga pematuhan yang ditetapkan oleh MAIK. Kemudian, dalam kajian ini cadangan turut dikemukakan iaitu mesyaratkan pembangunan institusi pondok mestilah mengikut proses dan prosedur yang betul, mewujudkan garis panduan khusus dalam membangunkan institusi pondok, menguatkuasakan undang-undang yang terlibat dalam pembangunan institusi pondok dan mewajibkan MAIN memberi kesedaran kepada pihak yang ingin membangunkan institusi pondok. Akhir sekali, pembangunan institusi pondok hanyalah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh MAIN dan lebih fokus kepada institusi tidak kepada pembangunan fizikal dan juga pematuhan terhadap prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak dipatuhi.

## ABSTRACT

Institutional development of pondok, is one of development that give benefit to the community. This is because, pondok institution will be easier for people to learn about religion based on learning system that has been arranged. Basically, the development of pondok institution have to follow the rules and regulations to ensure the safety of people that stay at pondok. Applicants have to go through several procedures of the pre-construction, construction and post-construction. The development of pondok institution, starting from waqf of land from landowner. Aims of this research is to study the development of pondok in legal aspect in construction process. Then, objectives to achieved is to identify laws and regulations involved in the development process of pondok, to study process and procedure in development of pondok and to study compliance of the procedure prescribed in development. The analytical methods used are qualitative methods. Interviews has been done to related parties which is from MAIK, PPPB and the management of pondok. Further, the result of this study can determine the processes and procedures of pondok development should be done and also the process of development pondok institution practiced nowadays in Kelantan with laws involved. Compliance with the institutional development process can also be seen that short-compliance should be set by local authorities as well as compliance set by MAIK. Then, in this research suggestions are made is requires the development of pondok institution must follow the correct processes and procedures, establish guidelines in developing pondok institution, enforce the laws that are involved in the in the development of pondok institution. MAIN should give awareness to those who want develop pondok institution. Finally, the development of pondok just follow the requirements set by MAIN an more focus on institutions compare physical development and does not comply the procedures established by the local authorities.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN NAMA	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Metodologi Kajian	8
	1.6.1 Peringkat Pertama	9
	1.6.2 Peringkat Kedua	9
	1.6.3 Peringkat Ketiga	10
	1.6.4 Peringkat Keempat	10
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.7.1 Pengurus Pondok	12
	1.7.2 Majlis Agama Islam Negeri	13

1.7.3 Pihak Berkuasa Tempatan	13
1.8 Organisasi Tesis	13
<b>2 PEMBANGUNAN INSTITUSI PONDOK DI MALAYSIA</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Definisi Institusi Pondok	18
2.3 Sejarah Pembangunan Institusi Pondok	19
2.4 Sistem Pendidikan Institusi Pondok	21
2.5 Kategori Institusi Pondok	22
2.5.1 Sekolah Pondok	23
2.5.2 Rumah Pondok	24
2.6 Proses dan Prosedur Pembangunan Institusi Pondok	26
2.6.1 Proses Mewakaf Tanah	28
2.6.2 Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan	29
2.6.3 Pembinaan Institusi Pondok	32
2.6.4 Permohonan Kelulusan Sijil Layak Menduduki	33
2.6.5 Permohonan Proses Pendaftaran Institusi Pondok Dengan MAIN	34
2.7 Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Yang Terlibat Dengan Pembangunan Institusi Pondok	35
2.7.1 Perlembagaan Persekutuan	37
2.7.2 Kanun Tanah Negara 1965	38
2.7.3 Akta/Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia	39
2.7.4 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984	41
2.7.5 Akta Perlesenan JBPM	42
2.7.6 Akta 133	43
2.7.7 Akta 447	44
2.7.8 Akta 508	45
2.8 Kesimpulan	46

<b>3</b>	<b>PEMBANGUNAN INSTITUSI PONDOK DI KELANTAN</b>	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Pembangunan Institusi Pondok Di Kelantan	47
3.3	Pihak-Pihak Yang Terlibat Dengan Pembangunan Institusi Pondok Di Kelantan	48
3.3.1	Pusat Pembangunan Pondok Berhad	48
3.3.2	Majlis Agama Islam Negeri Kelantan	50
3.4	Proses Pembangunan Institusi Pondok Di Kelantan	52
3.4.1	Proses Mewakaf Tanah	53
3.4.2	Proses Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan ke JPBM	54
3.4.3	Proses Kelulusan Pembinaan Oleh MAIK	55
3.4.4	Proses Pembinaan Institusi Pondok	55
3.4.5	Proses Pendaftaran Institusi Pondok	55
3.5	Kesimpulan	56
<b>4</b>	<b>PEMBANGUNAN MADRASAH DINIAH BAKRIAH (PONDOK PASIR TUMBOH) DAN MADRASAH MUHAMMADIAH (PONDOK BETA HILIR)</b>	
4.1	Pendahuluan	57
4.2	Madrasah Diniyah Bakriah (Pondok Pasir Tumboh)	57
4.3	Madrasah Muhammadiyah (Pondok Beta Hilir)	64
4.4	Kesimpulan	70
<b>5</b>	<b>KAEDAH DAN HASIL ANALISIS KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Kaedah Pengumpulan Data	72
5.2.1	Pengendalian Borang Temubual	72
5.2.2	Pemilihan Responden	74
5.3	Kaedah Penganalisaan Data	75
5.4	Hasil Analisis Kajian	77
5.4.1	Analisis Penggunaan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Dalam Pembangunan	



	Institusi Pondok	77
	5.4.2 Analisis Tanggungjawab PBT dan Pihak Terlibat Dalam Pembangunan Institusi Pondok	80
	5.4.3 Analisis Pematuhan Institusi Pondok Terhadap Prosedur Pembangunan Yang Ditetapkan	82
	5.4.3.1 Analisis Pematuhan Institusi Pondok Terhadap Prosedur Yang Ditetapkan Oleh MAIK	83
	5.4.3.2 Analisis Pematuhan Institusi Pondok Terhadap Prosedur Yang Ditetapkan Oleh PBT	87
	5.5 Kesimpulan	94
<b>6</b>	<b>PENEMUAN DAN CADANGAN</b>	
	6.1 Pengenalan	95
	6.2 Penemuan Kajian	95
	6.2.1 Pencapaian Objektif Pertama	96
	6.2.2 Pencapaian Objektif Kedua	97
	6.2.3 Pencapaian Objektif Ketiga	97
	6.3 Implikasi Hasil Kajian	98
	6.4 Cadangan	98
	6.5 Limitasi Kajian	100
	6.6 Cadangan Kajian Lanjutan	101
	6.6.1 Mengkaji Keperluan Penyediaan Garispanduan Terhadap Pembangunan Institusi Pondok	101
	6.6.2 Mengkaji Perbezaan Antara Institusi Pondok Berdaftar Dengan Yang Tidak Berdaftar	102
	6.6.3 Mengkaji Proses Dan Prosedur Pembinaan Institusi Pondok Yang Diamalkan Di Negeri-Negeri Lain Di Malaysia	102
	6.6.4 Mengkaji Implikasi Institusi Pondok Yang Tidak Berdaftar Dengan MAIN	103
	6.7 Kesimpulan	103

<b>RUJUKAN</b>	<b>105</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>108</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Bilangan institusi pondok mengikut negeri-negeri diMalaysia	4
2.1	Perbezaa sekolah pondok dan rumah pondok	25
2.2	Undang-undang yang terlibat dengan pembinaan institusi pondok	36
3.1	Institusi pondok dalam daerah Kota Bharu	48
3.2	Senarai nama pondok yang berdaftar di bawah PPPB di kawasan Kota Bharu	50
4.1	Pihak pengurusan Madrasah Diniyah Bakriah	61
4.2	Perihal Madrasah Diniyah Bakriah	62
4.3	Pihak pengurusan Madrasah Muhammadiyah	65
4.4	Kemudahan yang disediakan di Institusi Pondok Beta Hilir	67
5.1	Responden yang terlibat dalam temubual	75
5.2	Responden pengurus institusi pondok	75
5.3	Ringkasan tindakbalas responden terhadap pemakaian undang-undang dalam pembangunan institusi pondok	78
5.4	Pemakaian undang-undang dalam pembangunan institusi pondok	79
5.5	Peranan dan tindakan pihak terlibat dalam pembangunan institusi pondok	81
5.6	Pematuhan institusi pondok terhadap proses pembangunan yang ditetapkan (MAIK)	83
5.7	Pematuhan institusi pondok terhadap proses pembangunan yang ditetapkan oleh PBT	88

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Carta alir metodologi kajian	11
2.1	Kategori institusi pondok	23
2.2	Proses dan prosedur untuk pembinaan institusi pondok	27
2.3	Proses permohonan wakaf tanah	29
2.4	Proses permohonan kelulusan pelan bangunan	31
2.5	Proses pembinaan bangunan	32
2.6	Proses permohonan sijil layak menduduki	33
2.7	Proses pendaftaran institusi pondok	34
3.1	Proses pembangunan institusi pondok di Kelantan	53
4.1	Peta lokasi Madrasah Diniyah Bakriah	60
4.2	Tempat penginapan pelajar pondok	63
4.3	Tempat penginapan sedang dibina di Madrasah Dinah Bakriah	64
4.4	Asrama Pondok Beta Hilir	68
5.1	Bangunan dalam institusi pondok	86
5.2	Pondok yang terbengkalai	90
5.3	Pondok Inn yang terdapat dalam kawasan institusi pondok	91
5.4	Tapak kebakaran asrama institusi pondok	92

## SENARAI SINGKATAN

IWK	-	Indah Water Konsortium
JAWHAR	-	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JBPM	-	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JPP	-	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
JPS	-	Jabatan Pengaliran dan Saliran
KTN 1965	-	Kanun Tanah Negara 1965
MPKB	-	Majlis Perbandaran Kota Bharu
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAIK	-	Majlis Agama Islam Kelantan
PA	-	Pelan Akui
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PPPB	-	Pusat Pembangunan Pondok Berhad
TNB	-	Tenaga Nasional Berhad
UKBS 1984	-	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam
YPPM	-	Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Soalan Temubual	107

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pembangunan adalah merujuk kepada perubahan dari segi fizikal sesuatu tempat dalam apa juga cara termasuklah mengubah bentuk bumi daripada keadaan semula jadi atau separa semula jadi kepada pertanian, perumahan, perindustrian dan juga komersial. Selain itu, pembangunan merupakan satu proses yang penting dalam sesebuah negara bagi membolehkan negara tersebut memperolehi kemajuan dari segi ekonomi, pentadbiran, pendidikan dan sosial. Pembangunan yang dijalankan juga haruslah memberi manfaat kepada masyarakat yang mana akan memberikan peluang pekerjaan, kemudahan, pendidikan dan memberi manfaat kepada sosio ekonominya.

Pembangunan di Malaysia semakin rancak membangun iaitu dalam sektor pembangunan perumahan, pengangkutan awam, bangunan komersial dan pelbagai lagi jenis pembangunan yang ada untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara membangun dengan jayanya. Disamping itu, pembangunan yang kian rancak membangun juga adalah hasil daripada permintaan yang bertambah seiring dengan pertambahan penduduk dan keperluan-keperluan masyarakat pada masa kini.

Seterusnya, dalam pembangunan di Malaysia, institusi pendidikan adalah salah satu pembangunan yang tidak ketinggalan rancak membangun untuk memenuhi keperluan masyarakat pada hari ini untuk menimba ilmu dan melanjutkan pelajaran. Institusi pendidikan ini termasuklah pertambahan sekolah peringkat rendah dan menengah, kolej matrikulasi, kolej kemahiran dan lain-lain institusi pendidikan yang diiktiraf untuk menampung jumlah rakyat yang semakin bertambah. Pembangunan institusi pendidikan majoritinya dilaksanakan oleh kerajaan demi kebajikan rakyat. Namun, terdapat juga institusi pendidikan yang telah di bangunkan oleh pihak agensi swasta atau orang persendirian. Salah satu institusi pendidikan yang dimaksudkan adalah sekolah pondok atau rumah pondok. Sekolah pondok atau rumah pondok merupakan antara institusi pendidikan yang telah mendapat permintaan sejak awal penubuhannya di Malaysia.

Permintaan terhadap sistem pembelajaran yang berkonsepkan sistem pondok terus meningkat hingga ke hari ini. Hal ini dapat dilihat dengan adanya pertambahan jumlah sekolah pondok atau rumah pondok yang terus dibina di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Mengikut rekod Pusat Pembangunan Pondok Berhad, anggaran jumlah pondok yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 86 buah. Jumlah ini tidak termasuk institusi pondok yang berada di Sabah dan Sarawak. Kedua-dua negeri ini juga turut mencatat pertambahan jumlah sekolah pondok atau rumah pondok selaras dengan keperluan masyarakatnya.

Pembangunan institusi pondok pada asasnya perlu mengikut peraturan-peraturan pembinaan yang telah ditetapkan oleh pelbagai pihak bagi menjamin aspek keselamatan penghuninya. Pemohon perlu melalui beberapa prosedur dari peringkat sebelum pembinaan, semasa pembinaan dan selepas pembinaan. Proses pembangunan institusi pondok kebiasaanya bermula daripada penyerahan tanah daripada pemilik tanah untuk diwakafkan dan seterusnya tanah yang diwakafkan tersebut dibangunkan menjadi sebuah institusi



pondok. Pembangunan institusi pondok kebiasaannya berpandu dari pelbagai sumber termasuk sumbangan individu dan juga melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

## **1.2      Penyataan Masalah**

Institusi pondok telah wujud di Malaysia sejak sekian lama yang bertujuan untuk mengembangkan ilmu agama di kalangan masyarakat setempat. Negeri Kelantan dipercayai di antara negeri yang terawal mewujudkan sistem pondok di Malaysia. Dipercayai, pondok pertama yang didirikan di Kelantan adalah pada tahun 1820 Masihi oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah. Institusi pondok di negeri ini terus berkembang sejajar dengan keperluan semasa dan dalam masa yang sama ia turut di bangunkan di negeri-negeri lain.

Pada tahun 1981, sebuah pondok di Kelantan yang dikenali sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan telah diserapkan pentadbirannya ke Universiti Malaya dan dikenali dengan Akademi Pengajian Islam. Manakala, pada tahun 1995, para guru dan alim ulama telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB) yang bermatlamat untuk membangunkan pondok-pondok yang bernaung di bawahnya dari pelbagai aspek termasuklah urusan pentadbiran, kemudahan asas, dan guru-guru yang mengajar.

Mengikut rekod PPPB, jumlah sekolah pondok atau rumah pondok yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 86 buah. Jadual 1.1 merujuk kepada maklumat berkaitan jumlah institusi pondok yang terdapat di negeri-negeri di Malaysia.

**Jadual 1.1** : Bilangan institusi pondok mengikut negeri-negeri di Malaysia

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN INSTITUSI PONDOK</b>
Kelantan	30
Johor	3
Selangor	3
Kedah	26
Perak	1
Pulau Pinang	1
Negeri Sembilan	2
Melaka	2
Terengganu	12
Pahang	6
<b>Jumlah</b>	<b>86</b>

**Sumber** : Pusat Pembangunan Pondok Berhad (2016)

Namun, daripada maklumat dalam Jadual 1.1, didapati tidak semua yang direkodkan adalah berdaftar secara sah dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sebagai contoh, menurut Majlis Agama Islam Kelantan (MAIN) hanya 20 buah institusi pondok yang mendaftar secara sah. Selain itu, sebilangan besar bangunan-bangunan yang dibangunkan adalah tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Perkara ini boleh membawa kepada kejadian yang tidak diinginkan seperti kebakaran. Untuk rekod, terdapat tragedi kebakaran di beberapa buah pondok yang terdapat di Malaysia.

Antara pondok yang terlibat menurut Astro Awani laporan berita pada 25 Februari 2015, kebakaran Pondok Pak Ya 25 tahun lalu di Padang Lumut, Kedah pada 22 September 1989 mencatatkan sejarah apabila seramai 27 penghuni pondok itu terkorban. Seterusnya, tragedi kebakaran lain yang melibatkan institusi pondok ialah

Madrasah Diniyah Bakriah Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan yang menempatkan lebih 50 penghuni dalam sebuah bangunan asrama hangus dalam kebakaran pada 18 Jun 2016 namun, tidak ada mangsa yang terkorban.

Institusi pondok juga adalah termasuk dalam salah satu kategori bangunan. Oleh itu, pembangunannya perlu mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Sebagai contoh, memenuhi spesifikasi ciri-ciri keselamatan sesebuah bangunan untuk didiami bagi mengelakkan belakunya sesuatu musibah yang tidak diingini. Selain itu, dalam pembinaan sesebuah bangunan mempunyai piawaian tertentu mengikut jenis bangunan tersebut untuk memenuhi keperluan-keperluan fungsinya. Oleh itu, sejauh manakah pematuhan institusi pondok tersebut terhadap undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam menghadapi cabaran semasa serta memenuhi tuntutan globalisasi, sistem pendidikan pondok juga perlu berubah agar selari dengan tuntutan moden. Keperluannya juga harus menepati kehendak masyarakat yang pada masa kini sangat terdedah dengan kecanggihan teknologi. Hal ini kerana, institusi pondok adalah salah satu institusi yang unik yang perlu dipertahankan. Sistem pembelajaran yang dibawa oleh institusi pondok hanya terdapat di institusi ini sahaja. Dengan demikian, sistem pendidikan pondok juga harus melakukan transformasi agar ia sentiasa selari dengan permintaan masyarakat terutamanya. Keutamaan ini bukan sahaja dari segi sistem pendidikan tetapi dari segi fizikal sesebuah institusi pondok tersebut bagi memberi keselesaan dan juga sekaligus menjamin keselamatan para penghuni.

Disamping itu, dalam sesebuah pembangunan mestilah adanya proses dan prosedur untuk menyiapkan sesebuah bangunan tersebut. Oleh itu, semestinya institusi pondok juga mempunyai proses dan prosedur tersendiri untuk membangunkan institusi tersebut dan bagaimanakah proses dan prosedur pembangunan sesebuah institusi pondok tersebut berdasarkan undang-undang yang ditetapkan untuk pembangunan sesebuah bangunan. Seterusnya, adakah institusi pondok mempunyai garis panduan tersendiri

dalam membuat rujukan untuk pembinaannya seperti pembinaan Pusat Jagaan Warga Emas yang mana garis panduan khusus ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga beberapa garis panduan lain yang dirujuk.

### **1.3 Matlamat kajian**

Mengkaji pembangunan institusi pondok dari aspek perundangan yang ditetapkan dalam proses pembinaan bangunan.

### **1.4 Objektif kajian**

- i. Mengenalpasti undang-undang dan peraturan yang terlibat dalam proses pembangunan institusi pondok.
- ii. Mengkaji proses dan prosedur pembangunan institusi pondok.
- iii. Mengkaji pematuhan terhadap prosedur pembinaan institusi pondok yang ditetapkan.

### **1.5 Skop kajian**

Kajian ini lebih menumpukan kepada pembangunan institusi pondok khususnya di Negeri Kelantan. Negeri Kelantan adalah dipilih untuk menjalankan kajian ini kerana mengikut statistik PPPB jumlah institusi pondok yang terdapat di negeri Kelantan adalah yang terbanyak antara negeri-negeri lain di Malaysia. Seterusnya, pihak yang terlibat

bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini ialah Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB) dan juga pihak pengurus institusi pondok yang dikaji.

Selain itu, pemerhatian ke beberapa buah institusi pondok dijalankan iaitu Madrasah Diniyah Bakriah (Pondok Pasir Tumboh) dan Madrasah Muhammadiyah (Pondok Beta Hilir) untuk memenuhi keperluan kajian ini. Antara skop kajian ini meliputi beberapa aspek berikut:

- i. Fokus kepada institusi pondok yang terdapat di Negeri Kelantan yang mana berdaftar dengan Pusat Pembangunan Pondok Berhad dan juga berdaftar dibawah Majlis Agama Islam Negeri Kelantan. Mana-mana pondok yang tidak berdaftar dengan kedua-dua badan ini tidak terlibat dalam kajian ini.
- ii. Kajian ini hanya merangkumi keadaan fizikal pembangunan institusi pondok tersebut yang boleh diperhatikan dan juga mengenai undang-undang yang terlibat dengan pembangunan tanah sahaja. Kajian ini tidak meliputi sistem pengajian, pengurusan dana, pengurusan fasiliti dan lain-lain yang berkaitan mengenai sesebuah institusi pondok tersebut.
- iii. Kajian ini juga meliputi proses pembangunan dan pendaftaran untuk beroperasinya sesebuah institusi pondok yang dilakukan oleh MAIK dengan kerjasama pejabat tanah dan jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Selain itu, kajian ini juga melihat proses dan prosedur pembangunan institusi pondok mengikut proses yang sepatutnya yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

## 1.6 Metodologi Kajian

Terdapat kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah penyelidikan menerusi bahan-bahan bacaan dan juga kaedah kajian lapangan. Dalam kajian ini tumpuan utama ialah untuk melihat bagaimana sesuatu insitutsi pondok dibangunkan iaitu dari segi prosedur untuk membangunkan institusi tersebut. Ianya meliputi dari awal perancangan sehingga terbinanya sesebuah institusi pondok tersebut. Seterusnya, kajian ini juga tertumpu untuk mengenalpasti adakah untuk membina sesebuah institusi pondok memerlukan garis panduan tertentu berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan.

Disamping itu, menerusi kajian lapangan pula pemerhatian dijalankan terhadap beberapa institusi pondok yang telah dibina di Negeri Kelantan dengan kaedah temubual digunakan iaitu temubual dijalankan ke atas Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB), Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK), Majlis Perbandaraan Kota Bharu (MPKB), dan juga temubual dijalankan keatas pihak yang menguruskan pondok-pondok yang terpilih.

Kajian ini dijalankan mengikut carta alir yang disediakan. Berdasarkan carta tersebut, telah dinyatakan terdapat empat peringkat untuk menyiapkan kajian ini. Peringkat-peringkat yang ditentukan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk pengumpulan maklumat dapat dibuat dengan lebih teratur. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti, peringkat pertama iaitu Mengenalpasti isu dan masalah, matlamat kajian, objektif kajian dan skop kajian, peringkat Kedua pula Kajian literatur, Peringkat Ketiga ialah Pengumpulan data dan analisis data. Seterusnya, Peringkat Keempat iaitu Penemuan kajian berserta rumusan.

### **1.6.1 Peringkat Pertama**

Pada peringkat pertama kajian ialah mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Seterusnya daripada isu-isu tersebut dapat mengenalpasti masalah untuk dijadikan sesuatu kajian. Menurut Chua (2006), masalah kajian adalah isu yang timbul, yang menarik perhatian atau menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian ke atasnya. Selain itu, aspek-aspek penting dalam menyatakan masalah kajian antaranya adalah masalah kajian perlu praktikal, penting, menyatakan sasaran kajian dan perlu menyatakan pembolehubah utama yang terlibat dalam kajian serta ia perlu dinyatakan dengan jelas.

Seterusnya, pada peringkat pertama juga setelah mengenalpasti masalah kajian, matlamat kajian ditetapkan supaya kajian yang ingin dijalankan terhadap pembangunan institusi pondok ini jelas dan lebih fokus. Kemudian, di peringkat ini juga objektif kajian ditetapkan supaya kajian yang dijalankan tertumpu kepada objektif yang ditetapkan.

### **1.6.2 Peringkat Kedua**

Pada peringkat kedua pula, kajian literatur dibuat bagi menjelaskan lagi kajian yang dijalankan. Kajian literatur didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, dan kaedah memperolehi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan. (Chua, 2006). Kajian ini dilakukan menggunakan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian yang dibuat. Bahan bacaan ini termasuklah buku-buku yang terdapat di perpustakaan mengenai penubuhan pondok yang terdapat di Malaysia dan juga sebagai bahan rujukan tambahan penulis juga membuat rujukan terhadap pembangunan rumah pondok yang terdapat di negara luar iaitu Indonesia.

### **1.6.3 Peringkat Ketiga**


Selain itu, ia juga melibatkan pengumpulan data dan maklumat daripada kajian ilmiah lain seperti jurnal, artikel dan juga laman web yang berkaitan kajian. Tambahan pula, kajian lepas turut dijadikan panduan sebagai contoh menjadikan tesis-tesis yang berkaitan sebagai rujukan. Seterusnya, bagi memenuhi kehendak kajian ini, maklumat daripada akta-akta juga dirujuk berkaitan undang-undang bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

Pengumpulan data untuk kajian ini adalah melalui dua jenis sumber iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer untuk kajian ini adalah melalui temubual dengan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan institusi pondok dan juga pihak-pihak yang berkaitan untuk memperolehi dapatan kajian ini. Kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat adalah diterangkan lebih lanjut pada bab 4.

### **1.6.4 Peringkat Keempat**

Seterusnya, pada peringkat terakhir kajian, cadangan dan rumusan dibuat untuk kajian ini. Cadangan untuk kajian ini adalah lebih kepada cadangan penulis mengenai garis panduan khusus untuk pembinaan institusi pondok memandangkan pembangunan institusi ini tidak mempunyai garis panduan khusus. Cadangan ini dikemukakan berdasarkan temubual yang dijalankan dan juga menerusi pemerhatian yang dibuat oleh penulis terhadap pondok-pondok yang dilawati. Selain itu, rumusan dan kajian lanjutan ditulis bagi memberi idea kepada pengkaji baru mengenai institusi pondok pada masa akan datang.





**Rajah 1.1 :** Carta Alir Metodologi Kajian

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan kajian ini ialah dapat memberi gambaran tentang pembangunan institusi pondok di Malaysia khususnya di Negeri Kelantan. Hal ini kerana, pembangunan pondok lebih tertumpu kepada sistem pendidikan yang dibawa oleh institusi tersebut tetapi tidak menitikberatkan tentang pembangunan fizikal institusi tersebut. Sistem pendidikan yang wujud di institusi pondok adalah sangat unik kerana sistem pembelajaran agama yang menyeluruh hanya wujud di institusi pondok sahaja. Melalui kajian ini juga dapat memberi pandangan bahawa pembangunan fizikal sesebuah bangunan juga penting untuk memastikan kelestarian kehidupan seharian penghuninya. Hal ini, terutamanya kepada pihak-pihak tertentu yang secara langsung terlibat dalam pengurusan institusi pondok supaya sesebuah pondok yang dibina ataupun yang telah dibina selamat dan selesa untuk didiami oleh masyarakat.

### **1.7.1 Pengurus Pondok**

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada pengusaha ataupun individu yang telah mendirikan institusi pondok ataupun yang berhasrat untuk membangunkan institusi pondok tentang pentingnya menitikberatkan pembangunan fizikal pondok-pondok yang ingin ataupun telah dibangunkan khususnya perlu mematuhi garis panduan ataupun piawaian yang telah ditetapkan.

Selain itu, menjadikan pondok-pondok yang telah dibina ataupun akan bangunkan berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi memastikan proses mewakafkan tanah dijalankan dengan betul dan sekaligus dengan berdaftar dibawah Majlis Agama Islam Negeri, institusi pondok tersebut akan dilindungi dari pelbagai aspek terutamanya fizikal bangunan, status tanah, dana dan sebagainya yang berkaitan.

### **1.7.2 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)**

Disamping itu, kepentingan kajian ini juga adalah untuk Majlis Agama Islam Negeri iaitu memastikan pembangunan setiap pondok yang berdaftar dibawah Majlis Agama Islam Negeri menetapi piawaian yang ditetapkan. Selain itu, berperanan memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang membangunkan pondok supaya berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri terutamanya pembangunan pondok yang dibangunkan diatas tanah wakaf supaya pengurusan dan status pondok dapat diuruskan dengan sepatutnya.

### **1.7.3 Pihak Berkuasa Tempatan**

Seterusnya, kajian ini juga penting kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai panduan untuk pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang berdasarkan undang-undang yang ditetapkan untuk pembangunan sesebuah institusi pondok. Bagi memastikan setiap pembangunan institusi pondok memenuhi piawaian yang ditetapkan. Disamping itu, PBT juga boleh membuat perancangan dan menyumbangkan idea yang terbaik dari segi penyediaan garis panduan khusus untuk pembangunan institusi pondok.

## **1.8 Organisasi Tesis**

Penulisan tesis ini adalah terbahagi kepada lima bab iaitu bab pertama adalah bab pengenalan kepada tesis, bab kedua adalah kajian literatur mengenai pembangunan institusi pondok, bab ketiga adalah mengenai pembangunan institusi pondok di Kelantan, bab keempat adalah analisis kajian dan terakhir adalah bab lima mengenai kesimpulan

dan cadangan kepada kajian ini.

### **1.8.1 Bab 1 : Pengenalan**

Pada bab ini adalah mengenai jumlah pembangunan institusi pondok di Malaysia khususnya di Negeri Kelantan. Selain itu, merungkai permasalahan yang wujud daripada pembangunan institusi pondok sedia ada dan juga institusi pondok yang akan dibina. Seterusnya diterangkan matlamat utama kajian ini dijalankan dan objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini. Pada bab ini juga dijelaskan skop yang difokuskan untuk kajian ini dan juga kepentingan kajian ini turut dinyatakan.

### **1.8.2 Bab 2 : Pembangunan Institusi Pondok Di Malaysia**

Bab yang kedua adalah mengenai sorotan literatur yang menjelaskan lagi tentang institusi pondok dan juga fakta-fakta berkaitan dengan pembangunan institusi pondok. Sebagai contoh menerangkan istilah sesuatu perkataan yang berkaitan pondok. Melihat sistem yang dibawa oleh pendidikan pondok, klasifikasi jenis-jenis pondok yang ada di Malaysia, dan rupa bentuk institusi pondok. Dalam bab ini juga menerangkan tentang proses pembangunan institusi pondok yang perlu diamalkan di Malaysia. Seterusnya, dalam bab ini juga menerangkan undang-undang yang terlibat dan digunakan untuk pembinaan institusi pondok.

### **1.8.3 Bab 3 : Pembangunan Institusi Pondok Di Kelantan**

Pada bab ini pula menerangkan tentang kajian kes yang dibuat iaitu mengenai pembangunan institusi pondok di negeri Kelantan. Selain itu, melihat pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan institusi pondok di Kelantan. Seterusnya, menghuraikan tentang proses-proses pembangunan institusi pondok yang diamalkan di negeri Kelantan pada masa kini.

### **1.8.4 Bab 4 : Pembangunan Madrasah Diniyah Bakriah (Pondok Pasir Tumboh) dan Madrasah Muhammadiyah (Pondok Beta Hilir)**

Pada bab empat pula ialah tentang institusi pondok yang dilawati iaitu Madrasah Diniyah Bakriah (Pondok Pasir Tumboh) dan juga Madrasah Muhammadiyah (Pondok Beta Hilir). Berdasarkan kedua-dua madrasah ini dapat menggambarkan keadaan institusi pondok, kemudahan yang disediakan dan juga bangunan-bangunan yang digunakan untuk tujuan pembelajaran di institusi pondok.

### **1.8.5 Bab 5 : Kaedah dan Analisis Kajian**

Seterusnya, pada bab lima ialah mengenai dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah temubual yang dijalankan keatas pihak-pihak yang terlibat. Analisis dijalankan setelah temubual dijalankan. Dengan itu, pada bab ini akan ditulis mengenai pematuhan institusi pondok terhadap prosedur dan undang-undang yang sepatutnya dipatuhi dalam pembangunan sesebuah institusi pondok sehingga selesainya pendaftaran pondok tersebut dibawah MAIN.

### **1.8.6 Bab 6 : Penemuan Dan Cadangan**

Bab enam pula adalah mengenai cadangan yang dikemukakan untuk pembangunan institusi pondok. Cadangan ini dikemukakan setelah penulis membuat lawatan di pondok-pondok yang terpilih dan juga berdasarkan pandangan pihak-pihak yang ditemubual. Selain itu, cadangan ini juga difikirkan sesuai untuk kegunaan penghuni pondok pada masa kini. Kemudian, kesimpulan menyeluruh dibuat tentang kajian pembangunan institusi pondok juga terdapat pada bab ini.

## RUJUKAN

- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa, Ahmad Munawar (2012). *Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Jalil Borham (2002). *Pengantar Perundangan Islam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones (1985). *Sistem Undang-undang Di Malaysia*. 1985. Selangor: Dawama Sdn.Bhd
- Choon Lean Keow (2008). *Falsafah Dan Pendidikan Di Malaysia*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Subang Jaya, Selangor.
- Fauziah Shaffie (2001). Jurnal Pembangunan Sosial, Jil 2. *Institusi Pondok Di Malaysia :Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Garis panduan dan pekeliling Bil. 5 (2009 ): *Template Seragam Senarai Semak Dokumen Dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran Untuk Proses Kelulusan Pemajuan Melalui Pusat Setempat (OSC)*
- Haji Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Dan Pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor Darul Ehsan
- Hamid Jusoh (1992). *Kedudukan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia ( suatu rujukan khas terhadap konversi dalam undang-undang keluarga )*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail Ab. Rahman (1992). *Pendidikan Islam Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Darul Ehsan

- Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos (2005). *Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan*. Jabatan Perdana Menteri Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Kamus Undang-Undang (1995). Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997). *Pengantar Undang-undang Islam Di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Malaysia (2001), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2001), Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Megat Mohd. Ghazali Megat Abd. Rahman, Asiah Othman, (2010). *Pembangunan Tanah Wakaf- Isu, Prospek Dan Strategi* .Jabatan Pentadbiran Tanah Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Aziah Mohd Awal (2003). *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*. Selangor: Heinemann ( Malaysia Sdn Bhd ).
- Padmanabha Rau ( Rau ) & Dr. T Johnson Sampathkumar (Kumar) (2006). *General Principal Of The Malaysian Legal System*. Selangor: Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Salleh Buang (1996). *Sejarah Undang-Undang Malaysia Kes Dan Material*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sanep Ahmad , Nur Diyana bt Muhamed (2008). *Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia*. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Solahuddin bin Ismail (2012). *Transformasi Sistem Pendidikan Pondok Dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning Di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia
- Tun Mohd Salleh Abas (2006). *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia* (dikemaskini : Hj Salleh Buang). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wu Min Aun (1975). *An Introduction to the Malaysian Legal System*. Selangor. Heinemann (Malaysia Sdn Bhd).



Wu Min Aun (1990). *The Malaysian Legal System*.